



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**SYARAT-SYARAT LESEN IMPORT IKAN (KRUSTASEA) HIDUP  
DI BAWAH BAB 8 (1) PERINTAH PERIKANAN, 2009**

---

1. Pengimport hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.
2. Pengimport hendaklah mempunyai lesen import ikan (krustasea) hidup yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.
3. Pengimport hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan-peraturan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkenaan.
4. Spesis ikan (krustasea) hidup yang didatangkan hendaklah termasuk di dalam spesis ikan (krustasea) yang disenaraikan oleh pengimport dalam permohonan lesen import ikan (krustasea) yang telah dibenarkan.
5. Premis pengimport hendaklah mempunyai kemudahan kuarantin yang telah diluluskan oleh Jabatan Perikanan.
6. Pengimport hendaklah mematuhi langkah-langkah kawalan penyakit krustasea hidup yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.

**Syarat-syarat semasa konsainan di Negara Pengeksport**

7. Pengimport hendaklah memastikan :-
  - i. Semua konsainan telah memenuhi syarat-syarat pengendalian dan pembungkusan krustasea hidup yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.
  - ii. Sijil Kesihatan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport serta mematuhi keperluan-keperluan berikut :-
    - a. Sumber krustasea hidup diperolehi daripada ladang ternakan krustasea yang diluluskan dan berada di bawah kawalan rasmi Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport. Dokumentasi yang lengkap daripada Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport hendaklah dikemukakan sekiranya diperlukan;
    - b. Konsainan krustasea hidup mesti diperolehi dari ladang ternakan krustasea yang bebas dari penyakit krustasea yang disenaraikan di lampiran dan penyakit-



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

penyakit krustasea lain yang disenaraikan oleh *World Animal Health Organization (OIE)* di dalam laman sesawang [www.oie.int](http://www.oie.int) selama tempoh sekurang-kurangnya dua tahun;

- c. Konsainan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport dalam masa 72 jam dari tarikh eksport dan tidak ada menunjukkan tanda-tanda penyakit klinikal;
  - d. Krustasea hidup hendaklah dikuarantin selama sekurang-kurangnya 7 hari di kawasan kuarantin diluluskan di negara pengeksport dan tidak ada menunjukkan tanda-tanda penyakit klinikal sebelum dieksport; dan
  - e. Sumber krustasea hidup tidak diperolehi daripada sumber yang terdapat kes-kes peningkatan kematian yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan kebelakangan.
- iii. Sijil Kesihatan hendaklah menyatakan nama pengimport dan adalah sah untuk digunakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya dikeluarkan.

**Syarat-Syarat semasa konsainan berada di Negara Brunei Darussalam**

8. Pengimport hendaklah memastikan konsainan disertakan dengan Sijil Kesihatan, Invois, Lesen Import, Senarai Pembungkusan dan Bil Penerbangan atau Bil Muatan.
9. Pengimport hendaklah mengkuarantinkan konsainan dengan segera di kemudahan kuarantin pengimport yang diluluskan selama tempoh 14 hari dari tarikh ketibaan jika dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.
10. Pengimport hendaklah menyimpan rekod dalam tempoh kuarantin mengikut format yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.
11. Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan menjalankan pemeriksaan dan pensampelan krustasea hidup bagi tujuan penganalisaan dan pemantauan penyakit.
12. Jika keputusan penganalisaan penyakit adalah positif, Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan untuk mengambil tindakan seperti berikut:-
  - i. Melarang pergerakan keluar keseluruhan stok krustasea hidup dari premis;
  - ii. Menjalankan uji semula bagi tujuan pengesahan penganalisaan.;
  - iii. Mengarahkan pengimport untuk melaksanakan proses pelupusan krustasea hidup yang dijangkiti penyakit, membasmi kuman tangki, kolam, sangkar dan peralatan di bawah pengawasan oleh Jabatan Perikanan;



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

- iv. Kos mengenai apa-apa tindakan di atas adalah tanggungjawab pengimport dan mana-mana krustasea hidup yang dilupuskan dalam tempoh kuarantin tidak akan diberi sebarang ganti rugi atau pampasan oleh Jabatan Perikanan;
- v. Jabatan Perikanan mempunyai kuasa untuk memaklumkan Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksporth berkaitan dengan mana-mana kes positif penyakit; dan
- vi. Jika pengimport :-
  - a. mengesyaki kewujudan atau mengesahkan penyakit yang disenaraikan di lampiran dan penyakit-penyakit krustasea lain yang disenaraikan oleh *World Animal Health Organization (OIE)* di dalam laman sesawang [www.oie.int](http://www.oie.int); atau
  - b. berlaku kadar kematian yang tinggi,

pengimport hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Perikanan dalam tempoh masa 24 jam.
13. Pengimport hendaklah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mencegah pencemaran silang diantara tempat kuarantin dan ladang ternakan krustasea.
14. Pengimport hendaklah mematuhi dan mengamalkan "*Pollution Control Guidelines for Industrial Development*" dan "*Brunei Good Aquaculture Practices (BGAqP)*".
15. Pengimport hendaklah membenarkan Jabatan Perikanan untuk mendapatkan sampel krustasea hidup yang diimport pada mana-mana jumlah yang munasabah secara percuma bagi tujuan penganalisaan makmal jika diperlukan.
16. Pengimport hendaklah memaklumkan ke Jabatan Perikanan tarikh dan masa pengimportan bagi tujuan pemeriksaan dan pengambilan sampel.
17. Pengimport hendaklah menyerahkan keterangan-keterangan berhubung dengan pengimportan krustasea hidup ke Jabatan Perikanan sebaik sahaja aktiviti pengimportan selesai dilaksanakan bagi tujuan rekod simpanan dan rujukan.
18. Pengimport hendaklah memberikan maklumat-maklumat setiap pengimportan ikan (krustasea) hidup ke Jabatan Perikanan bagi tujuan rekod simpanan dan rujukan jika dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Nota :-

- "Krustasea hidup" bermakna krustasea dalam peringkat telur, benih, anak atau dewasa.
- Bayaran lesen import ikan hidup adalah B\$20.00 bagi setiap konsainan.
- Permohonan dan pembayaran lesen import ikan (krustasea) hidup hendaklah melalui sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* (**[bdnsw.gov.bn](http://bdnsw.gov.bn)**) dengan menyertakan Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kompeten negara pengeksport atau Laporan Analisa Makmal yang dikeluarkan oleh makmal yang diiktiraf oleh Negara pengeksport.
- Semua dokumen yang dikemukakan oleh Pengimport hendaklah dalam atau diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.
- Setiap lesen import ikan (krustasea) hidup yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan hanya sah bagi satu konsainan sahaja dan akan mansuh selepas satu bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.
- Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa boleh menahan atau memeriksa mana-mana konsainan krustasea hidup yang diimport pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.
- Pengarah Perikanan berhak menegah pengimportan mana-mana spesis krustasea mengikut keperluan langkah-langkah biosekuriti.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.
- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa dan berhak untuk membatalkan lesen import ikan (krustasea) hidup yang telah dikeluarkan.
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
- Kegagalan mematuhi Syarat-Syarat Lesen Import Ikan (Krustasea) hidup adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Syarikat dan Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_


No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_ (ofis) \_\_\_\_\_ (hp) \_\_\_\_\_ (fax)

Emel : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**


**Pegawai Yang Diberikuasa :**

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_





**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**SENARAI PENYAKIT KRUSTASEA 2020/2021**